

05/10/1998

Jangan biar martabat bangsa berkecai

BARANGKALI kerana cintakan bangsa, tanah air, agama dan negara, maka saya turunkan pemikiran di ruangan ini sebagai renungan bersama khususnya kepada penyokong reformasi.

Bangsa Melayu sudah menempa perjalanan sejarah yang panjang. Sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, dunia menyaksikan kegemilangan umat Melayu mewarnai geopolitik nusantara yang gah sehinggalah kepada pembangunan ekonomi global dengan menyaksikan kehebatan pelabuhan entreport Melaka. Ini diakui sejarawan Timur dan Barat seperti Tom Pires, Emanueo Godinho De Eredia, Ma Huan, Ming Shih dan Sei His-en serta Francois Valentijn, sekadar merujuk beberapa nama tidak termasuk Tun Sri Lanang dan tokoh sejarah tempatan yang lain.

Buku rujukan sejarah klasik sudah merakamkan betapa bertamadunya umat Melayu. Betapa cekapnya mereka mengurus negara dan ekonomi sehingga mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia. Kebijaksanaan birokrat Melayu dan teknokratnya menguruskan negara dengan baik mendapat sanjungan dunia. Kestabilan politik membawa pedagang ke dalam negara, memakmurkan rakyatnya dan memanifestasikan kepada masyarakat dunia bahawa bangsa Melayu boleh! Namun perjalanan ke arah kegemilangan bangsa Melayu itu tidak sepi daripada lakaran sejarah hitamnya. Bangsa kita pernah terbabit dalam percakaran politik sesama sendiri sehingga membawa kehancuran.

Sejarah menyaksikan bangsa Melayu di ambang kejatuhan. Akhirnya kekuasaan bangsa Melayu lumpuh, diinjak sehina-hinanya, dirantai beratus-ratus tahun sehinggalah dengan takdir Allah selepas melalui kehinaan berabad-abad, Allah menurunkan hikmahnya.

Lahirlah daripada bangsa yang hina, tokoh Melayu yang berjuang bukan kerana pangkat dan kuasa melainkan hanya semata-mata ingin memartabatkan semula umat Melayu pada kedudukan sepatutnya. Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dan berlari lebih laju ataupun setara. Bangsa kita sudahpun dimerdekakan lebih banyak menggunakan hikmah dan kebijaksanaan. Bukan dengan pertumpahan darah. Inilah kehebatan bangsa kita. Kemerdekaan yang diperolehi hasil titik peluh pejuang negara. Tanggal 31 Ogos 1957 dunia menyaksikan kelahiran satu bangsa yang berjaya merungkai jerutan kehinaan menjadi sebuah bangsa merdeka.

Kini saudara, kita sudah bergerak jauh meninggalkan kebebalan yang diwarisi daripada nenek moyang kita. Jangan ulangi sejarah pedih getir itu. Kemerdekaan perlu diisi sebijaksana yang mungkin. Jika usia manusia menjangkau 41 tahun bermakna ia sudah dewasa. Dewasa dari segi tindakan dan rasional dari segi fikiran. Hari ini, Malaysia yang kita bangun bersama begitu gah. Dunia tidak lagi memandang bangsa kita sebagai barbarian. Bangsa malas! Bangsa berjiwa hamba!

Hari ini bangsa kita sudah menjadi sebahagian daripada bangsa di dunia yang boleh memimpin. Sebuah bangsa yang sehebat bangsa manusia yang pernah memalukannya suatu ketika dulu. Kepemimpinan cemerlang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hingga memukau dunia boleh disinonimkan sebagai Era Kegemilangan Melayu pada abad ke-21.

Siapa yang pernah menyangka daripada sebuah negara yang kecil rupanya di situ ada bangsa yang besar! Apakah kita mahu melihat sekali lagi kehancuran? Mahukah saudara melihat kejatuhan sekali lagi bangsa kita itu? Apakah saudara mahu melihat generasi kita kelak menjadi pengemis di negeranya sendiri? Di hina?

Jadi bagi pendokong reformasi, usahlah terlalu berhawa nafsu untuk

memusnahkan negara. Untuk meruntuhkan negara itu bukannya sukar tetapi ingin membangunkannya itulah yang paling payah dan menyakitkan.

Renungkanlah saudara! Biarkanlah keadilan dan kebijaksanaan menjadikan kita sebuah bangsa yang bertamadun dan dihormati. Dengan tindakan saudara merobek-robekkan khazanah bangsa di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), saudara sebenarnya sudah merobek bangsa anda sendiri dan robekan itu kelak terus bernanah, berdarah dan saudara tunggulah saat-saat kehancurannya.